

24 SEP 2003

Mahathir-berlepas

DR MAHATHIR AKHIRI LAWATAN KE SWEDEN

Oleh: Jackson Sawatan

STOCKHOLM, 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke New York hari ini setelah menamatkan lawatan tiga hari ke Sweden.

Menteri Pertahanan Sweden, Leni Bjorklund, berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Arlanda untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali. Turut hadir ialah duta Malaysia ke Sweden Jasmi Mohamed Yusoff dan duta Sweden ke Malaysia Bruno Beijer.

Dr Mahathir, yang tiba pada Isnin, mempunyai atur cara yang padat semalam.

Beliau telah melawat Karolinska Institutet (KI), sebuah institut penyelidikan sains perubatan yang berprestij, tidak jauh dari sini.

KI mempunyai satu jawatankuasa terdiri 50 professor yang memilih pemenang Hadiah Nobel bagi bidang fisiologi atau perubatan.

Dalam satu taklimat di institut itu, Dr Mahathir telah bertanya sama ada KI telah menjalankan sebarang penyelidikan mengenai penyakit-penyakit luar biasa seperti Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), dan diberitahu oleh presiden institut itu, Prof Hans Wigzell, bahawa mereka sedang bekerjasama dengan pelbagai institusi lain untuk menyelidik perkara itu.

Prof Wigzell kemudian menghadihkan beberapa buku berkaitan sains perubatan kepada Perdana Menteri, sambil bergurau dengan berkata, beliau berharap buku-buku itu akan mengembalikan minat Dr Mahathir terhadap perubatan.

Selepas melawat KI, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Sweden, Goran Persson, bagi membincangkan isu-isu dua hala.

Persson berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana menerima undang-nya untuk melawat Sweden sebelum Dr Mahathir berundur daripada jawatannya penghujung Oktober ini.

Dr Mahathir juga melawat Kompleks Ericsson di Kista, dekat sini, diikuti dengan istiadat menghadap Raja Carl Gustaf di istana diraja.

Perdana Menteri juga meninjau sebuah bot peronda prototaip buatan Sweden selain mengadakan pertemuan dengan tokoh-tokoh korporat tempatan serta menghadiri jamuan malam anjuran Investor AB, sebuah syarikat terkemuka di rantau ini.

Dr Mahathir memberitahu wartawan Malaysia sebelum berlepas ke New York pada 8.30 pagi ini waktu Sweden (2.30 petang waktu Malaysia), bahawa lawatannya itu amat berhasil.

Katanya syarikat-syarikat Malaysia boleh mempelajari pelbagai perkara daripada syarikat dari Sweden khususnya dalam menghasilkan produk berkualiti tinggi yang dapat bersaing dalam pasaran global.

-- BERNAMA

JS HK MAI